

Siaran Akhbar
23 Mei 2025

ALIFF OMAR DILANTIK SEBAGAI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF EKUINAS

KUALA LUMPUR, 23 Mei 2025: Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) mengumumkan pelantikan Aliff Omar Mohammad Omar sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, berkuatkuasa hari ini, 23 Mei 2025. Aliff Omar telah dilantik sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif pada 1 April 2025, selepas berkhidmat sebagai Pengarah Kanan, Pelaburan. Sejak menyertai Ekuinas pada tahun 2017, beliau telah memainkan peranan yang penting dalam perkembangan dan transformasi syarikat, menerajui pelaburan dalam sektor tenaga, pengguna, dan teknologi.

Dengan pengalaman lebih daripada 16 tahun dalam khidmat nasihat dan perundingan korporat dan penyusunan urus niaga, Aliff mempunyai pemahaman yang mendalam tentang lanskap pasaran pertengahan di Malaysia. Sebelum menyertai Ekuinas, beliau memegang jawatan-jawatan kanan di UBS AG, CIMB Investment Bank, dan Maybank Investment Bank, bertanggung jawab dalam khidmat nasihat dan rundingan urus niaga-urus niaga penting dalam bidang penggabungan & pengambilalihan serta urus niaga pasaran modal di seluruh Asia Tenggara. Aliff merupakan graduan dari Northwestern University dan University of Cambridge. Beliau dihargai kerana visinya yang strategik, kepakarannya dalam bidang kewangan, dan komitmennya terhadap mandat Ekuinas dalam menjana pulangan kewangan yang mampan serta memacu pertumbuhan ekonomi yang inklusif.

Pengerusi Ekuinas, Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan berkata, “Lembaga Pengarah yakin kepimpinan Aliff akan mengukuhkan kedudukan Ekuinas dalam ekosistem modal persendirian di Malaysia dan akan memacu Ekuinas ke fasa seterusnya dengan impak strategik.”

Mengulas mengenai pelantikan beliau, Aliff Omar berkata, “Ekuinas kini memasuki fasa baharu yang penting – di mana peranan Ekuinas akan berkembang selari dengan lanskap

modal persendirian yang pesat berubah. Dengan pengenalan kredit persendirian di akhir tahun 2024, Ekuinas nekad, melangkaui akar umbinya dalam ekuiti persendirian, dan mengembangkan platform kami dalam modal persendirian secara lebih luas. Evolusi ini mencerminkan aspirasi Ekuinas untuk menjadi pelabur modal persendirian secara lebih menyeluruh, serta mengembangkan sokongan terhadap perniagaan-perniagaan di Malaysia di setiap peringkat pertumbuhan, masing-masing dengan keperluan yang dinamik dan pelbagai.

“Kami berpegang kepada misi yang jelas, dalam urusan penciptaan nilai yang bermakna, yang boleh diukur dan berimpak untuk memanfaatkan semua pihak berkepentingan, sambil menyumbang ke arah ekonomi yang berdaya tahan dan lebih inklusif. Kami akan terus melabur secara berdisiplin, beroperasi secara telus, dan mencapai hasil yang bukan sekadar pulangan kewangan – memperkasa perniagaan, memperkukuh komuniti, dan membuka pelbagai peluang bagi melahirkan generasi peneraju Malaysia yang akan datang.” Aliff Omar menambah.

-tamat-

Mengenai Ekuiti Nasional Berhad

Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) ialah syarikat ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan yang ditubuhkan dengan matlamat membina syarikat-syarikat terkemuka generasi akan datang Malaysia sambil menggalakkan penciptaan kekayaan dan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama dan mampan. Objektif utama Ekuinas ialah menjana nilai kewangan atas pelaburan untuk memastikan objektif sosialnya dicapai dengan cara yang mampan. Setakat ini, Ekuinas telah melaksanakan pelaburan dalam 48 syarikat, di mana 30 merupakan Pelaburan Langsung dan 18 lagi menerusi Pengurus Dana Penyumberan Luar. Sektor sasaran terasnya termasuk pendidikan, barangan pengguna laris, minyak dan gas, peruncitan, penjagaan kesihatan dan pembuatan. Ekuinas telah dipilih sebagai satu daripada 3 Firma Terbaik Asia Tenggara oleh Anugerah Ekuiti Persendirian Antarabangsa (PEI) bagi tahun 2018 dan 2019.

Dikeluarkan bagi pihak Ekuiti Nasional Berhad

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

acorn communications sdn. bhd.

Sonyia Ambi di +60 12-628 9733 / Farah Aqilah di +60 19-917 4451

atau di +603 7958 8348 atau e-mel acorncommunications@acornco.com.my